



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
E-mail:ismailmerican@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA INFLUENZA A(H1N1)
DAN TINDAKAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

10 Jun 2009

Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan dua (2) lagi kes disahkan Influenza A(H1N1) telah dikesan di Malaysia dalam tempoh 24 jam yang lalu menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 9 kes dan kesemuanya adalah kes import. Sehingga kini, TIADA kes yang disebabkan oleh penularan tempatan (local transmission) dikesan di Malaysia.

Kes kelapan merupakan seorang pelajar perempuan warga Amerika Syarikat berumur 17 tahun, balik bercuti ke Malaysia bersama ibu dan bapanya melalui penerbangan Malaysia MH091 (tempat duduk 18G) dari Newark melalui Stockholm dan tiba di KLIA pada 8 Jun 2009 jam 6.30 pagi. Beliau dikesan mempunyai suhu badan yang tinggi semasa proses saringan demam menggunakan *thermo-scanner* di KLIA, dan pemeriksaan lanjut oleh pasukan perubatan bertugas mendapati beliau demam dan seterusnya telah dirujuk dan dimasukkan ke Hospital Tuanku Jaafar Seremban, Negeri Sembilan jam 10.51 pagi untuk pemeriksaan dan rawatan lanjut. Siasatan lanjut mendapati beliau telah mendapat demam 10 hari

sebelum tiba di KLIA. Kedua ibu bapanya adalah sihat dan sedang diletakkan di bawah “home quarantine”. Beliau sekarang berada dalam keadaan stabil dan telah diberi rawatan antiviral.

Kes kesembilan merupakan seorang wanita warganegara New Zealand yang tiba di negara ini pada 5 Jun 2009 jam 7.30 pagi dengan menaiki pesawat Air Asia DX7 2723 (tempat duduk 29D) dari Melbourne, Australia iaitu pesawat yang sama dinaiki iaitu pelajar Australia yang disahkan sebagai kes ketujuh pada 6 Jun 2009. Beliau meneruskan perjalanan ke Pulau Pinang menaiki penerbangan Malaysia MH1138 jam 9.15 pagi dan tiba di Pulau Pinang jam 10.15 pagi dan seterusnya menaiki teksi dan “check in” di sebuah hotel di Pulau Pinang jam 1.00 petang. Semasa di Pulau Pinang beliau telah berjumpa dengan kawan dan melancong sekitar Pulau Pinang dengan bas persiaran. Beliau pada mulanya dikesan sebagai kontak kes import ketujuh dan dikuarantin di hotel penginapan pada 7 Jun 2009 jam 4.15 petang. Beliau mula mendapat demam, batuk dan sakit otot mulai jam 11.00 malam dan telah menelefon pejabat kesihatan yang berhampiran pada 9.00 pagi 8 Jun 2009 dan seterusnya pesakit telah diambil dan dihantar ke Hospital Pulau Pinang menggunakan ambulan khas untuk rawatan lanjut. Beliau sekarang berada dalam keadaan stabil dan telah diberi rawatan antiviral.

Kementerian Kesihatan Malaysia sedang mengesan kesemua kontak seramai 340 orang termasuk krew penerbangan dan penumpang MH091 yang mendarat di KLIA pada jam 6.30 pagi pada 8 Jun 2009 terutama penumpang yang duduk di baris 15 hingga 21. Pada masa yang sama Kementerian juga sedang mengesan 20 penumpang bas persiaran dan kakitangan sebuah hotel untuk kes kesembilan.

Selain dari dua kes di atas, sejumlah 36 notifikasi kes-kes yang mempunyai gejala-gejala jangkitan influenza setelah kembali dari negara yang terlibat dengan wabak influenza A(H1N1) telah diterima dari seluruh negara. Kes-kes ini telah dimasukkan ke wad isolasi di 9 buah hospital rujukan influenza A(H1N1) bagi tujuan rawatan dan penyiasatan. Dari 36 notifikasi, 31 adalah negatif terhadap influenza A(H1N1) dan 5 masih menunggu keputusan. Sehingga kini, jumlah terkumpul kes yang disiasat kerana mendapat simptom jangkitan influenza selepas melawat negara terlibat wabak influenza adalah sebanyak 553 kes di mana 9 kes disahkan positif influenza A(H1N1), 539 disahkan negatif dan 5 masih menunggu keputusan.

Dalam tempoh 24 jam, 14 kontak telah tamat kuarantin dan 40 kontak baru dikesan manakala seorang (1) yang sedang dikuarantin telah dimasukkan ke wad menjadikan jumlah yang sedang diletakkan di bawah *home quarantine* pada hari ini ialah 204 orang. Kesemua kontak yang sedang dikuarantin berada dalam keadaan sihat tanpa gejala jangkitan influenza A(H1N1). Pecahan kontak yang sedang dikuarantin adalah 46 kontak kes keempat dan kelima, 34 kontak kes keenam (akan tamat pada hari ini – 10 Jun 2009), 122 kontak kes ketujuh dan 2 kontak kes kelapan. Kementerian Kesihatan Malaysia masih lagi mengesan kontak-kontak lain termasuk penumpang penerbangan yang sama dengan kesemua kes tersebut.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) memaklumkan bahawa sehingga 10 Jun 2009, jam 8 pagi, jumlah terkumpul kes influenza A(H1N1) yang dilaporkan ke WHO adalah sebanyak 25,586 kes dengan 139 kematian daripada 73 negara, iaitu pertambahan sebanyak 80 kes dari hari sebelumnya. Tiada negara baru yang melaporkan kes influenza A(H1N1). Tiada kematian dilaporkan pada

hari ini sementara pertambahan 80 kes baru adalah dari enam (6) buah negara iaitu Australia (13), China (27, Mainland – 15, Hong Kong – 4, Taiwan - 8), Japan (25), New Zealand (2), Singapura (7) dan Vietnam (3).

Pada pagi ini, Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Kejadian Influenza A(H1N1) bil. 4/2009 telah diadakan. Saya ingin merakamkan terima kasih dan penghargaan kepada semua agensi dan jabatan yang terlibat di atas kerjasama dalam menangani jangkitan Influenza A(H1N1).

Memandangkan pada ketika ini musim panas di Amerika Syarikat dan Eropah, adalah dijangkakan ramai pelajar daripada negara tersebut akan pulang untuk bercuti. Sehubungan dengan itu, aktiviti-aktiviti kawalan seperti saringan di pintu masuk akan dipertingkatkan. Selain daripada itu, mesyuarat juga telah membincangkan isu-isu berkaitan dengan kuarantin.

Kementerian Kesihatan ingin menegaskan dan meminta kerjasama kepada semua pelajar-pelajar Malaysia dari luar negara yang ingin pulang bercuti sempena musim panas, untuk menanggungkan perjalanan pulang mereka sekiranya mereka mempunyai gejala-gejala jangkitan influenza. Mereka dinasihati agar mendapatkan rawatan terlebih dahulu sehingga sembuh sebelum pulang ke Malaysia. Mereka juga dikehendaki melaporkan diri kepada pasukan perubatan yang bertugas di lapangan terbang antarabangsa jika mereka tidak sihat. Bagi mereka yang telahpun berada di Malaysia dalam masa 7 hari dan mempunyai gejala-gejala jangkitan influenza, diminta untuk segera ke klinik-klinik atau hospital untuk mendapatkan rawatan.

Bagi mengesan kontak kepada 2 kes ini, Kementerian Kesihatan memohon kerjasama kepada penumpang, anak kapal dan kontak

kepada kes untuk menghubungi KKM melalui talian 03-88810200 atau 03-88810300 untuk membolehkan kami memberikan nasihat kesihatan termasuk keperluan *home quarantine*.

Orang ramai dinasihati agar sentiasa mengikuti perkembangan situasi semasa penyakit ini dan mendapatkan maklumat yang terkini dan tepat dari Kementerian Kesihatan melalui laman web Kementerian Kesihatan iaitu <http://www.moh.gov.my> dan pengumuman KKM melalui media dari semasa ke semasa.

Sekian dan terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD. ISMAIL MERICAN
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 10 Jun 2009